
MASALAH TUNIS YANG SEBENAR

Masalah Tunisia telah menjadi perkara yang heboh dan kancang dan menjadi berita-berita yang utama di dalam akhbar-akhbar seluruh dunia. Untuk mengetahui keadaan-keadaan masalah itu maka kita berusaha mendapatkannya daripada punca-punca yang sebenar dan berhak di atas Tunisia – tidak daripada punca-punca yang diterbitkan daripada pihak Perancis yang kerap kali membuat dahyah atas keelokan-keelokan yang meliputi untuk faedah mereka sahaja. Di bawah ini ialah maqalah khas yang pertama yang kita terima daripada wakil pejabat parti bebas Perlembagaan Tunisia di Mesir yang telah menulis dengan terang atas masalah itu untuk perhatian kita di sini, terutamanya umat Islam yang mempunyai mahabbah yang rapat kepada saudara-saudaranya sesama Islam – pengarang.

CUBA MEMECAH-MECAHKAN

oleh Ustaz Al-Rashid Idris

Wakil Pejabat Parti Bebas Perlembagaan Tunisia di Mesir

(khas untuk Qalam)

Dua bulan telah berlalu setelah Perancis menjalankan rancangannya yang sesia hendak menganjurkan pergerakan kemerdekaan dan hendak memecahkan perpaduan bangsa Tunisia yang meliputi raja, kerajaan dan rakyat jelata yang menuntut Perancis mengembalikan hak ketuanan dan kemerdekaan Tunisia yang telah di rampasnya.

Perancis masih menjalankan tipu daya siasahnya sambil melakukan kekejaman kepada rakyat jelata Tunisia. Kerajaan Perancis telah menghantarkan perintahnya kepada residen jeneralnya di Tunisia supaya merombak kerajaan Tunisia yang ada sekarang yang di ketuai oleh “Al-Syed Muhammad Syaniq” (yang telah pun di tumbang dan ia bersama-sama beberapa orang Menteri yang lain telah di tangkap dan di kurung baharu-baharu ini – P)

Sekarang hanya satu jalan sahaja yang tinggal untuk menyelesaikan perkara Tunis ialah membentangkannya di Majlis Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Makalah akhbar “Lemonade”

Akhbar “Lemonade” keluaran Paris iaitu akhbar yang sangat rasmi bagi kerajaan Perancis dalam rencana pengarangnya bertarikh 21 mac 1952 di bawah tajuk “perkara Tunis dalam peringkatnya yang akhir semenjak berlaku kejadian-kejadian di Tunisia pada dua bulan yang lalu” telah menulis yang madmunnya diperturunkan di bawah ini:

Pertama: Tidak berlaku perpecahan di antara orang-orang Tunis sesama sendiri malah perasaan bekerjasama masih berkekalan di antara rakyat dengan ketua-ketua pemerintah (yang berbangsa Tunis) yang bertanggungjawab.

Kedua – Keadaan di Tunis tidak akan reda dan ditakuti akan berjangkit keadaan yang buruk itu ke negeri-negeri Aljazair dan Morocco yang berjiran dengannya.

Ketiga – Pengaduan Tunis tidak akan ditarik balik dari Majlis Keamanan.

Kempat – Perancis mulai gentar akan kejadian-kejadian yang buruk yang membahayakan keselamatan nyawa orang ramai dan merosakkan iktisad negara yang dari sehari ke sehari makin bertambah hebat.

Akhbar itu telah menutup makalahnya dengan membayangkan bahawa Perancis akan menghadapi perkara yang kusut,



Raja Tunis Syed Muhammad Al-Amin

dan perhubungan Perancis – Tunis akan bertambah buruk sekiranya kerajaan Perancis menyangka akan dapat mengadakan rundingan dan dapat mencapai persetujuan yang baik bagi menunaikan tuntutan rakyat Tunis tetapi bersyarat iaitu hendaklah raja Tunis merombak kerajaan Muhammad Syaniq. Syarat ini – kata akhbar itu lagi – rasanya akan menimbulkan perbalahan yang terus menerus di antara kerajaan Perancis dan Raja Tunis. (Perancis telah pun berjaya dengan menggunakan tangan besinya memaksa Raja Tunis merombak kerajaan yang dipimpin oleh Muhammad Syaniq dan mendirikan kerajaan patung yang tidak di terima oleh rakyat dan inilah yang menyebabkan kedudukan Tunis makin bertambah kacau – P)

Kecerobohan Perancis

Sebenarnya perbalahan memang telah sedia berlaku di antara

Raja Tunis dan kerajaan Perancis semenjak 15

Disember 1951 tatkala Menteri Luar Perancis “Robert Schuman” menyerahkan surat balasnya atas surat peringatan kerajaan Tunis yang bertarikh 31 Oktober 1951 yang di dalamnya dengan terterus terang mengambil sikap mencabulkan segala pengakuan Perancis yang diakuinya dalam bulan Jun 1950 yang mengiktiraf kemerdekaan Tunis.

Atas kejadian inilah kerajaan Tunis dengan persetujuan raja telah mengambil ketetapan membentangkan perkara itu di majlis keamanan dan meminta kerajaan-kerajaan dunia mengambil bahagian menyelesaikan perbalahan Tunis – Perancis.

Kekejaman Perancis telah berkali-kali dilakukan ke atas rakyat Tunis, Raja Tunis sendiri tidak ketinggalan daripada menerima sebahagian besar daripada kecerobohan itu kerana istananya telah dikepung dengan kereta-kereta kebal dan tentera yang lengkap bersenjata, dan baginda telah diugut oleh Residen Jeneral Perancis bahawa baginda akan dipecah kelak.

Baharu-baharu ini Perancis telah cuba hendak meletupkan rumah Perdana Menteri Muhammad Syaniq dan telah mengugut rakan-rakan sejawatannya dengan maut, serta telah menindis bangsa Tunis dengan kejamnya sehingga akhirnya kerajaan Tunis terpaksa mengeluarkan penyata mensabitkan kekejaman Perancis yang telah mengorbankan beratus-ratus nyawa orang-orang Tunis, meletupkan rumah-rumah tempat tinggal dan meruntuhkan masjid-masjid, serta merompak harta benda rakyat jelata.

Memansuhkan Perjanjian Bardo

Dalam surat peringatannya yang bertarikh 31 Oktober tahun yang lalu kerajaan Tunis telah menuntut kepada kerajaan Perancis: Pertama, mendirikan sebuah kerajaan dengan tidak dicampuri oleh orang-orang Perancis. Kedua, mengadakan sebuah majlis perwakilan orang ramai. Ketiga, menyusun undang-undang yang menjamin jawatan-jawatan kerajaan

untuk bangsa Tunis sahaja, dengan mengambil bantuan daripada orang-orang luar dalam pekerjaan teknik sekadar yang dikehendaki.

Tetapi kecerobohan Perancis yang bersenjata yang sedang dilakukan terus menerus telah menghancurkan segala perhubungan baik di antara Tunis dengan Perancis dan inilah yang telah mendorong orang-orang Tunis memansuhkan Perjanjian “Bardo” dan membebaskan diri mereka daripada belenggu perjanjian tersebut iaitu perjanjian yang membolehkan Perancis mencampuri perkara Tunis.

Kemerdekaan Dengan Apa Jua Harganya

Pada hari ini hanya satu tujuan sahaja yang meliputi seluruh negeri Tunis iaitu bahawa bangsa Tunis dari Raja membawa kepada rakyat jelata telah bersatu padu dan telah menunjukkan masaknya mereka dalam soal siasah yang menjadikan mereka sentiasa menuju bulat kepada kemerdekaan yang sempurna dengan kebebasan penuh serta percampuran mereka dalam gabungan bangsa-bangsa bersatu sebagaimana keadaan lain-lain bangsa yang merdeka.

Untuk melaksanakan tujuan yang suci murni ini mereka terpaksa menanggung berbagai-bagai penderitaan dan kezaliman yang tidak pernah di alami oleh manusia dan yang akan berkekalan mencalit muka kerajaan Perancis. Kesalahan-kesalahan yang tidak boleh di ampuni ini adalah ditanggung oleh ketua-ketua kerajaan Perancis dan siapa-siapa jua yang membantunya meskipun saudara-saudara yang membantah kecerobohan tersebut telah lantang bergema di segenap pelusuk dunia mencela kekejamannya dan menuntut mereka meletakkan baginya peranggan yang tertentu.

Menentang Kecerobohan

Walaupun yang demikian tetapi kekuatan Perancis yang bersenjata masih berkekalan


megganas menindas rakyat Tunis dan mencalit pada tiap-tiap hari kecerobohan-kecerobohan yang baharu.

Orang-orang Tunis di dalam perjuangannya sentiasa mempercayai kepercayaan penuh kepada diri sendiri, sementara menantikan rakan-rakan mereka di seluruh dunia memberi bantuan, dan sementara kerajaan Perancis mengira akan segala kekejaman yang telah di lakukannya di negeri ini yang putera buminya sedang bermati-mati berjuang merebut kemerdekaan dan kemuliaannya.

Orang-orang Tunis sedang berjuang terus dengan cara yang tersusun – sedaya upaya mereka – untuk melemahkan kecergasan Perancis dengan meletupkan jambatan-jambatan, memutuskan perhubungan dan menentang kekuatan yang bersenjata, mereka akan berkekalan terus memboikot Perancis dalam lapangan iktisad.

Bangsa Tunis seluruhnya tidak berkecuali – lelaki, perempuan dan kanak-kanak – dalam perjuangan kemerdekaan. Mereka redha berkorban dengan segala-galanya.

Segala fikiran, baik dalam negeri Tunis atau di luarnya telah sekata bahawa kebangkitan bangsa Tunis pada hari ini tak dapat di tinas dengan sebarang senjata dan bahawa keadaan di Tunis berkekalan haru biru membahayakan keamanan dunia sehingga hak orang-orang Tunis diakui dan kemerdekaan mereka tercapai!



Rakyat Tunisia yang ditangkap beramai-ramai sedang menerima penangan keganasan Perancis.